



PESERTA.....Para peserta yang berjaya mengikuti kursus Pengurusan dan Pencegahan Kebakaran UMS-KAL bersama Ahmad Azmir (berdiri lima dari kiri).

## 30 kakitangan UMS-KAL sertai kursus cegah kebakaran

NST 22-06-2012 7

LABUAN: Seramai 30 kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menghadiri Kursus Pengurusan dan Pencegahan Kebakaran di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara UMS-KAL, pada Rabu.

Kursus sehari itu dikendalikan oleh Penolong Penguasa Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan (JBPL), Ahmad Azmir Rusidi.

Selain ceramah, Ahmad turut mengadakan demonstrasi memadam api yang

membabitkan tujuh anggota Balai Bomba Layang-Layangan.

Kursus anjuran Bahagian Pentadbiran UMS-KAL itu bertujuan untuk memberi kesedaran dan menambah pengetahuan kepada kakitangan serta kepentingan keselamatan dan cara mencegah kebakaran dalam bangunan.

Manakala demonstrasi bertujuan memberi pendedahan kepada kaki tangan mengenai cara-cara memadam kebakaran kecil dengan menggunakan alat pemadam api yang

sesuai.

Ahmad Azmir juga menasihatkan orang ramai supaya sentiasa peka terhadap bahaya kebakaran terutama keadaan di rumah kerana ia membabitkan ahli keluarga selain harta benda.

Katanya, warga Labuan seharusnya memiliki alat mengesan dan memadam kebakaran di rumah sebelum mendapat bantuan daripada anggota bomba. **OLEH JAINUDIN DJIMIN** ([jainudin@newsabah-times.com.my](mailto:jainudin@newsabah-times.com.my))